

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

28hb. November, 1975.

(Cawangan Naik Pangkat dan Tatatertib)

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 17 TAHUN 1975

Laporan Penyiasatan Biro Siasatan Negara

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 1967](#) yang dikeluarkan dalam siri ini bertarikh 3hb. Oktober, 1967 mengenai perkara yang tersebut diatas, sepetimana salinannya ada dikembarkan bersama-sama ini.

2. Sebagaimana yang sudah diketahui bahawa Surat Pekeliling tersebut adalah dikeluarkan dengan tujuan memperingatkan Ketua-Ketua Jabatan dan Kementerian akan tanggungjawab mereka dalam menjaga kelakuan dan tatatertib kakitangan mereka dengan lebih berkesan dan sempurna. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengujudkan satu perkhidmatan awam yang suci dan berdedikasi dan dalam usaha ke arah ini Kerajaan telah mempergiatkan langkah-langkah bagi mencegah amalan-amalan yang bercorak rasuah. Tetapi semua usaha-usaha Kerajaan ini akan menjadi gagal sekiranya kerjasama Ketua-Ketua Jabatan tidak diperolehi bagi menyegerakan tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang bersalah itu.

3. Di masa-masa kebelakangan sering terdapat kisah-kisah di mana Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam hal-hal tatatertib telah tidak memberi perhatian berat, malah tidak mengambil tindakan langsung ke atas laporan-laporan penyiasatan yang dibuat oleh Biro Siasatan Negara yang meliputi berbagai bentuk perlanggaran tatatertib oleh kakitangan Kerajaan seperti rasuah, kesusahan berat kerana berhutang, penglibatan secara aktif dalam urusan-urusan perniagaan dan lain-lain salah laku. Sikap demikian adalah sangat-sangat dikesalkan oleh kerana ianya bukan sahaja membantut usaha Kerajaan untuk melicinkan lagi perjalanan pentadbiran sesuai dengan kehendak-kehendak pembangunan negara tetapi juga menjelaskan semangat dedikasi pegawai-pegawai yang lain yang suci daripada semua amalan yang buruk itu. Dari itu Ketua-ketua Jabatan adalah dengan ini diseru supaya memberi perhatian yang berat kepada laporan Biro Siasatan Negara yang mengemukakan kes-kes perlanggaran tatatertib oleh kakitangan-kakitangan di bawah mereka. Ketua-ketua Jabatan hendaklah membawa kes yang dilapurkan itu kepada Lembaga Tatatertib yang berkenaan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh laporan yang diterima. Keputusan daripada tindakan itu hendaklah diberitahu kepada Biro Siasatan Negara dengan secepat mungkin.

4. Ketua-ketua Jabatan perlulah ingat bahawa dalam mana-mana kes tatatertib unsur-unsur yang terpenting bagi mencapai keputusan yang berkesan ialah menguruskannya dengan segera dan menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan. Keputusan itu tidak semestinya sama dengan apa yang mungkin diperakurkan oleh Biro Siasatan Negara malah ia boleh jadi lebih berat lagi. Tetapi di mana hukuman itu adalah lebih ringan daripada yang sepatutnya, Ketua-ketua Jabatan yakni Lembaga Tatatertib, hendaklah memberi alasan yang cukup, sebelum mengenakan hukuman itu. Ini adalah penting oleh kerana hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan tidak menepati maksud asas mengambil tindakan tatatertib. Ketua-ketua Jabatan hendaklah sentiasa sedar bahawa tujuan asal memindahkan kuasa-kuasa tatatertib daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kepada Lembaga-lembaga Tatatertib Jabatan dalam tahun 1967, di samping hendak mempercepatkan urusan tatatertib, adalah untuk melengkapkan Ketua-ketua Jabatan dengan kuasa-kuasa tatatertib yang sewajarnya bagi menjamin darjah disiplin yang tinggi di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan. Oleh itu jika sekiranya Ketua-ketua Jabatan ada menghadapi kesulitan dalam menguruskan tindakan

tata tertib, mereka adalah dinasihatkan supaya berutus surat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (Cawangan Naik Pangkat dan Tata tertib) untuk mendapat nasihat-nasihat yang sewajar-nya.

Saya yang menurut perintah,

(WAN AWANG BIN WAN YAACOB)

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha-ketua setiausaha Kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.